

27 MAY 2002

CUEPACS: JEMPUTAN POPE SATU PENGIKTIRAFAN TERHADAP DR MAHATHIR DAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- Cuepacs menyifatkan jemputan Pope John Paul II untuk mengadakan pertemuan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Vatican bulan depan sebagai satu pengiktirafan terhadap kedudukan Perdana Menteri dan negara ini.

Presiden Cuepacs Datuk N. Siva Subramaniam berkata rakyat Malaysia patut berbangga dengan jemputan yang disampaikan kepada Dr Mahathir oleh pemimpin Gereja Roman Katolik itu.

"Dr Mahathir diiktiraf sebagai pemimpin antarabangsa. Lawatan beliau adalah untuk kebaikan seluruh umat manusia," katanya.

Semalam, Dr Mahathir berkata beliau bersetuju menerima undangan itu.

Pelbagai pihak termasuk Gereja Katolik Malaysia menyambut baik pertemuan itu yang dijangka berlangsung sempena lawatan Dr Mahathir ke Switzerland dan Luxembourg awal bulan depan.

-- BERNAMA

DC MAM SP MAI